

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 12 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1531-MQT2634
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang laporan baru Human Rights Watch (HRW) yang mengkritik Kerajaan menindas kumpulan pelarian di dalam pusat tahanan yang penuh sesak melebihi kapasiti dan wujud kematian di kalangan golongan rentan dan kanak-kanak. Nyatakan kedudukan sebenarnya dan bilangan kematian serta apakah rancangan dalam menanganinya.
2. PR-1531-MQT2636
Datuk Wan Saifulruddin bin Wan Jan [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah rasional penggubalan Kod Etika Wartawan baharu yang diumumkan pada 20 Februari yang lalu mengambil kira implikasi hak kebebasan media serta kerangka kawal selia media secara menyeluruh.
3. PR-1531-MQT2619
Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah status larangan eksport nadir bumi pada ketika berlakunya peralihan teknologi bagi pemprosesan dan industri hilirannya dibangunkan, sebagai suatu langkah untuk memanfaatkan kadar Ringgit yang optimum untuk eksport tersebut.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 12 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 10

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1531-L23133
Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada badan berkanun atau badan bukan berkanun Kerajaan diizinkan melabur dalam bentuk opsyen, equiti swasta, *forex* dan sebagainya.
2. PR-1531-L24088
Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
 - (a) statistik kes pemerdagangan manusia di negara kita pada waktu ini; dan
 - (b) usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian sehingga kini bagi menangani jenayah ini.
3. PR-1531-L22930
Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa kos yang telah dibelanjakan untuk membaiki pulih sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Tanjong Manis sepanjang tahun 2023. Berapa peruntukan untuk tahun 2024 dan berapa banyak sekolah yang terlibat.

4. PR-1531-L23782
Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan jumlah penerima manfaat di bawah Skim Program Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI) sehingga kini, serta apakah usaha penambahbaikan Kementerian supaya lebih ramai penerima dalam kalangan masyarakat India dapat memanfaatkannya.
5. PR-1531-L23645
Tuan Mohd Sany bin Hamzan [Hulu Langat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan memperkenalkan mekanisme lebih terperinci dan menyeluruh termasuk kuasa penguatkuasaan kepada agensi penguatkuasaan yang lain untuk mengawasi warga emas dan OKU dieksploitasi dalam aktiviti meminta sedekah atau mengutip derma atas nama jualan amal seperti yang berleluasa sekarang.
6. PR-1531-L24120
Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [Mersing] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Tarif Elektrik Hijau dalam menawarkan bekalan elektrik hijau (GET) daripada sumber tenaga boleh baharu kepada pengguna elektrik.
7. PR-1531-L23187
Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan dasar dan mekanisme yang ditetapkan dan diguna pakai bagi mengimbangi agenda dan tuntutan dua objektif yakni kesepaduan sosial dan integrasi nasional ketimbang pewujudan lebih banyak Tabika Perpaduan, satu program pendidikan awal kanak-kanak di kawasan bandar dan pinggir bandar.
8. PR-1531-L23882
Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah pendekatan inovatif Kementerian untuk memperkukuh keupayaan institusi pendidikan tinggi sekaligus memacu kecemerlangan bidang penyelidikan melalui perkongsian dan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.

9. PR-1531-L23268
Dato' Seri Amirudin bin Shari [Gombak] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan Laporan Penilaian Keenam oleh Intergovernmental Panel on Climate Change pada bulan Mac 2023. Apakah langkah adaptasi yang telah diambil dan sedang dirancang oleh Kerajaan untuk bersedia menangani risiko perubahan iklim yang mendadak .
10. PR-1531-L24197
Tuan Roslan bin Hashim [Kulim Bandar Baharu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan :-
- (a) sejauh manakah usaha pemerkasaan Kementerian terhadap sektor francais serta sasaran Kerajaan bagi sektor ini pada tahun 2024; dan
 - (b) apakah bentuk inisiatif pembiayaan dan bantuan yang telah disediakan kepada para usahawan francais khususnya golongan belia dan wanita.
11. PR-1531-L23491
Tuan Chow Yu Hui [Raub] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan strategi yang diadopsi oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) untuk meningkatkan kedudukan dalam Kedudukan Universiti Terbaik Dunia (*World University Ranking*).
12. PR-1531-L24132
Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apa tindakan Kementerian dalam meningkatkan jati diri dalam pelajar-pelajar sekolah agar tidak mudah terpengaruh dengan pengaruh di sosial media.
13. PR-1531-L22975
Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah implikasi fiskal terhadap pengecualian pengenaan cukai keuntungan modal (CGT) serta cukai ke atas pendapatan sumber asing (FSI) ke atas unit amanah (unit trust); dan
 - (b) apakah langkah kerajaan meningkatkan hasil cukai mengikut saranan OECD dan Bank Dunia.

14. PR-1531-L23884
Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan berapakah kos yang telah dibelanjakan dalam pelan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.
15. PR-1531-L23029
Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menangani ancaman lanun, penculikan rentas sempadan dan penyeludupan di negeri Sabah serta apakah jaminan Kerajaan Persekutuan dalam meningkatkan dan menjamin keselamatan negeri Sabah terutamanya di perairan Pantai Timur Sabah.
16. PR-1531-L24160
Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyeragamkan silibus prasekolah.
17. PR-1531-L23024
Puan Isnaraissah Munirah Majilis [Kota Belud] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status terkini Projek Saluran Paip Pelbagai Produk Petroleum (MPP) dan Saluran Paip Gas Trans Sabah (TSGP) yang diteruskan semula pada tahun 2021.
18. PR-1531-L23941
Tuan Rushdan bin Rusmi [Padang Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk memberikan tawaran insentif atau skim perjawatan lebih kompetitif kepada pakar bidang terutamanya bidang TVET di politeknik bagi mengelakkan *brain drain* dalam kalangan pensyarah politeknik sedia ada.
19. PR-1531-L23156
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan garis panduan untuk proses tender dan pembiayaan projek berkaitan dengan pengekstrakan unsur nadir bumi (*Rare Earth Element*).
20. PR-1531-L24073
Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-
 - (a) jumlah dan peratus pelajar yang mengambil bidang Sains Tulen mengikut pecahan kaum dan negeri dari tahun 2018 hingga kini; dan

- (b) faktor secara terperinci mengapa pelajar tidak minat subjek Sains dan Matematik dan nyatakan tindakan yang telah diambil bagi menampung keperluan negara ke arah negara maju berteknologi tinggi.

21. PR-1531-L22965

Tuan Lee Chuan How [Ipoh Timor] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) usaha-usaha Kementerian untuk memperkasakan pembelajaran STEM; dan
- (b) senarai peratusan kemasukan murid STEM setakat ini mengikut negeri.

22. PR-1531-L24057

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah bersepadu Kerajaan dalam menangani banjir warga asing yang semakin galak menguasai sesuatu kawasan di ibu negara dan bandar lain di beberapa negeri termasuk bergiat aktif dalam rangkaian perniagaan sehingga menimbulkan keresahan kepada warga tempatan.

23. PR-1531-L23118

Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan baru-baru ini dilaporkan seorang sejarawan Perancis telah mempertikaikan fakta salah berkaitan sejarah pelayaran Melayu yang dikeluarkan dua ahli akademik UPM. Senaraikan langkah sedang diambil Kementerian dalam usaha memastikan jurnal akademik yang diterbitkan oleh universiti mempunyai kualiti dan kredibiliti yang sepatutnya.

24. PR-1531-L24159

Tuan Jamaludin bin Yahya [Pasir Salak] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian telah mengenal pasti cabaran dan masalah yang dihadapi oleh murid tanpa dokumen kewarganegaraan untuk meneruskan persekolahan mereka dan apakah pelan khusus Kementerian bagi membantu mereka supaya tiada murid yang tercicir.

25. PR-1531-L22988

Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah terbaik yang dilakukan bagi menambahbaik sistem semakan permohonan kewarganegaraan; dan

- (b) status kajian terhadap pindaan perlembagaan berkaitan pindaan perlembagaan berkenaan kewarganegaraan anak dilahirkan di luar negara hasil perkahwinan wanita warga tempatan dengan lelaki warga asing.

26. PR-1531-L23781

Datuk Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan jangka masa pendek dan panjang dalam melatih belia-belia dan graduan lepasan universiti menjadi usahawan sebagai satu langkah peningkatan taraf hidup rakyat di samping mengurangkan kadar pengangguran dalam negara.

27. PR-1531-L23014

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) berapa anggaran jumlah warga asing sama ada datang tanpa izin atau pelarian atau yang tidak memiliki permit bekerja yang sedang berada di Malaysia; dan
- (b) apakah langkah Kerajaan untuk menangani isu ini.

28. PR-1531-L24071

Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) sistem terkini yang diguna pakai oleh pihak Kerajaan bagi mengendalikan buruh asing dalam negara; dan
- (b) cara untuk memastikan agar pekerja asing yang memasuki negara adalah benar-benar tulen untuk bekerja dalam bidang yang dipohon oleh agensi majikan dan bukan menjadi lambakan yang menjejaskan ekonomi dan kesejahteraan rakyat tempatan.

29. PR-1531-L23248

Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan demi melindungi golongan seramai 6.3 juta ahli KWSP berumur bawah 55 tahun atau 48% mempunyai baki simpanan kurang daripada RM10,000 dalam akaun mereka setakat 30 September 2023.

30. PR-1531-L22932
Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan sekolah-sekolah SK Penibong dan SK Serdeng. Nyatakan apakah tindakan selanjutnya oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah yang timbul.
31. PR-1531-L23127
Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah peluang yang dilihat oleh Kerajaan untuk mengembangkan keupayaan entiti swasta menyertai dalam Bursa Carbon Exchange memandangkan Bursa Malaysia telah mengguna pakai Verified Carbon Standard (VCS) sebagai mekanisme akreditasi yang diiktiraf dunia.
32. PR-1531-L23766
Tuan Edwin anak Banta [Selangau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan terkini diambil terhadap *Genneva Gold* dan skim pelaburan-pelaburan yang berbentuk *scammer* makin berleluasa.
33. PR-1531-L22786
Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan bila peruntukan dapat diturunkan bagi projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau, Lembangan Sungai Tawau, Sabah (Fasa 1B - Pakej 1 dan Pakej 2), sekiranya ia tidak dapat dilaksanakan dengan segera, projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tawau, Lembangan Sungai Tawau, Sabah (Fasa 1A) akan menjadi sia-sia dan tidak akan mampu mengatasi masalah banjir di daerah Tawau.
34. PR-1531-L24016
Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [Kemaman] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme yang akan diguna pakai Kerajaan dalam memutuskan sektor strategik yang perlu diberi keutamaan bagi tujuan pelaburan syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) dan cara Kerajaan mengurangkan penglibatan dalam sektor bukan strategik secara berperingkat.
35. PR-1531-L23817
Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
(a) mewajibkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) menetapkan kepada orang Islam untuk mencarum dalam Simpanan Syariah; dan

- (b) berapa jumlah pencarum KWSP yang sudah bertukar kepada Simpanan Syariah semenjak ia diperkenalkan pada 2016.

36. PR-1531-L23520

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah Kerajaan untuk membendung warga asing daripada menyalahgunakan permit kerja mereka dan mula terlibat dalam perniagaan runcit di negara kita.

37. PR-1531-L24048

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah guru kontrak yang diambil pada tahun 2022 dan 2023 dan berapa yang telah diserap sebagai perjawatan tetap; dan

- (b) berapa nisbah jumlah guru:murid ketimbang nisbah standard peringkat dunia.

38. PR-1531-L23748

Datuk Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan oleh Kementerian dalam membangunkan dan memaksimakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) di negara ini contohnya tenaga solar seperti di negara jiran dan adakah Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan Institut dan Lembaga Hidrogen Negara.

39. PR-1531-L24054

Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) apakah langkah Kerajaan dalam menangani penularan pelbagai kes yang melibatkan amalan rasuah di kalangan anggota dan pegawai PDRM sehingga menjejaskan integriti dan wibawa PDRM; dan

- (b) sejauh manakah Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis menjalankan fungsinya sebagai badan pemantau bebas yang turut merangkumi aspek siasatan aduan salah laku dan tadbir urus dalam pasukan PDRM.

40. PR-1531-L22792

Tuan Lo Su Fui [Tawau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) usaha untuk memperbaiki prosedur mendapatkan taraf kewarganegaraan di Tawau dan Sabah melalui Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan; dan
- (b) kelonggaran dengan cara memberikan Pas Sementara kepada individu Tidak Berdokumentasi (salah satu ibu/bapa warganegara) untuk bekerja dan bersekolah sementara menunggu proses mendapatkan pengenalan diri yang sah.

41. PR-1531-L22944

Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejajar dengan pengecualian visa 30 hari kepada pelancong China dan India, sejauh manakah kesediaan Kementerian dalam memastikan pelancong ini tidak menyalahgunakan pengecualian visa dan tidak tinggal lebih masa. Nyatakan jika ada kes sebegini direkodkan sejak polisi ini dilaksanakan Disember 2023.

42. PR-1531-L24082

Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada akses pendidikan pada waktu ini telah mencapai 100% di seluruh negara, termasuk di kawasan luar bandar.

43. PR-1531-L22974

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) senarai GLC dan GLIC terkini mengikut sektor dan status keaktifan di bawah PLCT Bursa; dan
- (b) berapa pulangan atas modal digunakan (ROCE) dan pulangan atas modal dilabur (ROIC) setiap GLC dan GLIC dari tahun 2013 hingga 2023.

44. PR-1531-L23033

Datuk Seri Panglima Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam meningkatkan gaji ataupun insentif para anggota keselamatan seperti anggota konstabel Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang baru menyertai pasukan polis yang masih tergolong dalam kategori miskin bandar.

45. PR-1531-L22736

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [Jelutong] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan akan memberi peruntukan kewangan khas kepada Lembaga Wakaf Hindu Pulau Pinang untuk membina projek *Cable Car* di kuil Arulmigu Balathandayuthapani di Jalan Air Terjun Pulau Pinang.

46. PR-1531-L24078

Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar yang mengalami masalah pembelajaran di sekolah rendah dan menengah seperti tidak pandai mengeja dan membaca yang dilihat jumlahnya semakin meningkat dan mengakibatkan masalah keciciran menjadi semakin serius.

47. PR-1531-L23158

Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rancangan Kerajaan untuk memastikan atau memantau status orang tanpa kewarganegaraan, terutamanya di negeri-negeri Sabah dan Sarawak demi kepentingan keselamatan negara.

48. PR-1531-L24069

Dato' Sri Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah peruntukan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) akan terus meningkat di mana bermula tahun 2019 iaitu menerima RM12 juta dan meningkat pada 2023 kepada RM15.75 juta dan kini 2024 adalah RM18.9 juta iaitu purata RM300,000 untuk satu sekolah SPMC. Mohon dinyatakan jumlah peruntukan purata untuk satu Sekolah Tahfiz dari tahun 2019 hingga 2024.

49. PR-1531-L22995

Puan Rodiyah binti Sapiee [Batang Sadong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini perancangan bagi membina baharu Ibu Pejabat Polis dan Perumahan Polis Daerah Simunjan Sarawak yang telah tersenarai dalam Perancangan Pelan Tindakan Pembangunan Strategik PDRM (PSPDRM) tahun 2021 hingga 2025.

50. PR-1531-L24300

Tuan Hassan bin Saad [Baling] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tentang perolehan 13 laras senapang *Sniper Rifle.22* pada harga RM2.3 juta yang dilihat begitu mahal.

51. PR-1531-L23843
Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [Kuala Nerus] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh mana Kerajaan mempertimbangkan aspek federalisme dalam kerangka Dasar Mineral Negara 3.
52. PR-1531-L22801
Tuan Chow Kon Yeow [Batu Kawan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan strategik dalam tempoh lima tahun akan datang bagi memastikan keseimbangan kepada akses teknologi kecerdasan buatan (AI) di antara sekolah di bandar dan luar bandar dapat dicapai. Perincian projek-projek berkaitan bagi setiap negeri sejak tahun 2018 sehingga kini dengan impaknya kepada pelajar.
53. PR-1531-L24113
Tuan Haji Kamal bin Ashaari [Kuala Krau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi mengatasi isu kartel pemerdagangan manusia yang melibatkan golongan pelarian di Malaysia.
54. PR-1531-L23249
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah keseluruhan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diberikan oleh universiti awam di Malaysia untuk tahun 2010 hingga 2023 dan senaraikan nama-nama universiti yang mengeluarkan ijazah tersebut.
55. PR-1531-L24092
Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [Rompin] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelancong asing yang pada asalnya datang ke negara kita menggunakan visa pelancong dan akhirnya terus menetap di negara ini berdasarkan tiada rekod keluar dicatatkan sehingga tahun 2023.
56. PR-1531-L23123
Tuan Jimmy Puah Wee Tse [Tebrau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini dan jangkaan masa bagi melaksanakan rasionalisasi subsidi khususnya yang membabitkan diesel dan petrol dan berapa jangkaan penjimatan hasil daripada pelaksanaan rasionalisasi ini.
57. PR-1531-L22938
Puan Young Syefura binti Othman [Bentong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah murid tercicir di seluruh Malaysia, khususnya di Parlimen Bentong dan langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kementerian untuk menanganinya.

58. PR-1531-L23893
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan tindakan Kementerian terhadap kadar cerun yang berisiko di Tanjung Jaga Kaki Gunung Jerai bagi keselamatan pengguna jalan raya.
59. PR-1531-L22911
Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian terbaharu Kementerian mengenai gesaan agar garis panduan untuk Program Dwi Bahasa (DLP) dikekalkan dan berapakah jumlah dan jenis sekolah yang melaksanakan DLP ini di seluruh Malaysia dari 2016 sehingga 2023 dan adakah DLP ini turut dikenakan kepada Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).
60. PR-1531-L24063
Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [Jerantut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status dakwaan 1.2 juta pelancong dari China yang tidak keluar dari Malaysia dari tahun 2018 - 2021. Sekiranya ianya tidak benar, berapakah jumlah sebenar dalam rekod Kementerian.
61. PR-1531-L22941
Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [Pekan] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan hasil penyelidikan universiti diguna pakai dengan sebaiknya memandangkan kebanyakan kajian dan penyelidikan ini hanya berakhir di peringkat jurnal sahaja sedangkan ia boleh dibangunkan dan dimanfaatkan kepada masyarakat dan negara.
62. PR-1531-L24043
Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengikut kajian Kementerian berkenaan kuarters guru Taman Sri Serdang, Kepala Batas, bilakah pihak Kementerian bercadang untuk jadikan kuarters tersebut sebagai kuarters yang boleh disewa kepada orang awam.
63. PR-1531-L24046
Dr. Siti Mastura binti Muhammad [Kepala Batas] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah kemasukan warga China di Malaysia dan rekod jumlah keluar pada tahun 2021 sehingga 2023; dan
 - (b) tindakan Kementerian terhadap isu warga China yang tinggal tidak pulang dan tinggal melebihi tempoh.

64. PR-1531-L23883
Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan implikasi kewangan dan tempoh Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) berikutan banjir.
65. PR-1531-L22749
Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [Sri Aman] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan untuk meningkatkan akses pendidikan teknikal dan vokasional di kawasan luar bandar, termasuk penyediaan kemudahan dan program latihan.
66. PR-1531-L22729
Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah program bantuan sedia ada oleh Kementerian bagi aspek kebajikan guru, dan apakah rancangan untuk memperkenalkan sistem sokongan, seperti kaunseling dan penilaian psikologi berkala, untuk memastikan guru tidak terlalu terbeban dan dapat menjamin kesejahteraan mereka semasa menyediakan pendidikan berkualiti kepada pelajar kita.
67. PR-1531-L24179
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan menaikkan peruntukan dan agihan setiap negeri bagi membaik pulih dan pembinaan sekolah daif di seluruh Malaysia dilaksanakan secepat mungkin untuk keperluan persekolahan yang sempurna.
68. PR-1531-L23263
Tuan Tan Hong Pin [Bakri] minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan rancangan jangka panjang Kementerian untuk meningkatkan kapasiti penghasilan air terawat dan memastikan kadar kecukupan bekalan air *Water Self-Sufficiency* (WSS) di negeri Johor terutamanya bagi kawasan Johor Bahru yang pesat membangun. Adakah Kementerian bercadang untuk mendapatkan pelaburan baru termasuk pelaburan negara asing seperti Singapura.
69. PR-1531-L22899
Tuan Chiew Choon Man [Miri] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah peruntukan khas yang diberikan tahun lepas kepada Sekolah Kerajaan (SK) untuk pelaksanaan kerja-kerja naik taraf tandas dan penyelenggaraan juga akan disalurkan kepada Sekolah Bantuan Kerajaan pada tahun ini untuk tujuan yang sama.

70. PR-1531-L22843
Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik premis-premis haram yang beroperasi tanpa lesen di luar bandar Sarawak yang menyediakan jualan nombor ekor dan judi atas talian. Nyatakan jumlah aduan, tangkapan dan tindakan yang dibuat oleh PDRM.
71. PR-1531-L23126
Datuk Seri Utama Ir. Hasni bin Mohammad [Simpang Renggam] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan bagaimana dasar mekanisme perdagangan dibangunkan menerusi voluntary carbon market (VCM) ini dapat digabungkan dengan dasar iklim dan kelestarian nasional, serta sumbangannya terhadap komitmen Malaysia dalam Pelan Hala Tuju Sumbangan Ditetapkan Negara (NDC).
72. PR-1531-L22893
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk membuka sekurang-kurangnya sebuah bank, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat atau Agro Bank di Bandar Mutiara Tebedu, Sarawak.
73. PR-1531-L22716
Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-
(a) maklumat mengenai individu-individu dari Myanmar yang telah dihantar pulang ke Myanmar mengikut pecahan umur, jantina, dan status UNHCR; dan
(b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memastikan keselamatan dan nyawa mereka tidak terancam oleh junta Myanmar.
74. PR-1531-L22922
Tuan Tan Kar Hing [Gopeng] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan prestasi Malaysia dalam Program Pentaksiran Pelajar Antarabangsa (PISA) dan gerak kerja untuk meningkatkan pencapaian dasar pendidikan digital.

75. PR-1531-L24378
Datuk Matbali bin Musah [Sipitang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status menaik taraf sekolah-sekolah daif luar bandar bagi SK Ulu Sipitang, dengan kemudahan asas sekolah yang telah rosak seperti bangunan yang telah uzur, jalan yang tidak beratap ke kelas dan juga tandas menyebabkan masalah kepada murid-murid. Ketika hujan dan kawasan koridor bangunan sekolah yang berbahaya menyebabkan beberapa orang guru dan murid tercedera.
76. PR-1531-L23313
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dakwaan rakyat Malaysia berkhidmat sebagai tentera upahan Rusia di wilayah timur Ukraine, Donetsk dan jika benar, bilangan dan tindakan susulan Kerajaan.
77. PR-1531-L23215
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bila subsidi bersasar untuk diesel dan RON95 akan dilaksanakan, sama ada ia akan mula dilaksanakan serentak atau berasingan. Berapa penjimatan subsidi yang dijangkakan untuk tahun ini selepas pelaksanaan subsidi bersasar ini.
78. PR-1531-L23302
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada kontrak perolehan syarikat membekal dan menguruskan kenderaan Kerajaan, Spanco Sdn Bhd (Spanco) merugikan negara dan jika perlu, kontrak itu ditamatkan.
79. PR-1531-L23815
Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah inisiatif khusus Kerajaan bagi membantu golongan peniaga kecil dalam pengoperasian bazar Ramadan yang akan datang sekaligus memacu sektor ekonomi.
80. PR-1531-L23792
Kapten Azahari bin Hasan [Padang Rengas] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status semasa peruntukan MARRIS berjumlah RM5.4 bilion yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memastikan jalan negeri juga dalam keadaan terbaik telah diagihkan atau sebaliknya.

81. PR-1531-L23013
Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein [Sembrong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) berapa jumlah subsidi yang telah dikurangkan atau ditarik melalui rasionalisasi subsidi; dan
 - (b) bagaimana potongan tersebut telah dibelanjakan semula.
82. PR-1531-L24143
Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [Tangga Batu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah tindakan yang diambil bagi mengatasi masalah yang berleluasa di mana orang asing terutamanya rakyat Bangladesh yang memajak dan mengusahakan kebun-kebun sayur dan kurangnya galakan keterlibatan anak tempatan dalam industri agromakanan ini.
83. PR-1531-L23185
Puan Rodziah binti Ismail [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-musabab tiada peruntukan khas untuk pentadbiran, pengurusan dan program Persekutuan Pengakap Malaysia, sebahagian daripada Persekutuan Pengakap Sedunia yang diperbadankan di bawah Akta 784: Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968 (Semakan 2016).
84. PR-1531-L22808
Puan Yeo Bee Yin [Puchong] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) berapakah *house officer* (HO) yang sedang berkhidmat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) dan apakah jumlah yang diperlukan untuk memberi perkhidmatan yang optimal; dan
 - (b) adakah PPUM sedang menggunakan "*zero HO protocol*".
85. PR-1531-L23851
Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhurazi [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tahap penguatkuasaan di wilayah perikanan negara antara tahun 2018 -2023 dalam usaha mengekang kes pencerobohan vesel di sempadan perairan negara.

86. PR-1531-L23346

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian pelan dan rasional Kerajaan memperkenalkan polisi subsidi bersasar minyak diesel dan RON95 dan apakah inisiatif yang akan dilakukan untuk membantu mereka yang terkesan disebabkan polisi tersebut.

87. PR-1531-L23204

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan usaha dan strategi yang akan dilaksanakan sepanjang 2024 bagi memulih dan mencergaskan ekonomi negara yang berdepan dengan kelembapan ekonomi dunia.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]** akan mencadangkan :

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Kelima Belas.""

Menyambung semula perbahasan atas masalah (11 Mac 2024)

- | | | | |
|----|-----------------|--|-------------------------------|
| 2. | (D.R 38/2023) | Rang Undang-Undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 3. | (D.R 41/2023) | Rang Undang-Undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 | " |
| | | [Perdana Menteri] | |
| 4. | (D.R 39/2023) | Rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Pendidikan Tinggi] | |
| 5. | (D.R 37/2023) | Rang Undang-Undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Kerja Raya] | |
| 6. | (D.R 35/2023) | Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 | " |
| | | [Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam] | |
| 7. | (D.R 1/2024) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |

8. (D.R 2/2024) Rang Undang-Undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

9. (D.R 3/2024) Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 "

[Menteri Kewangan]

10. PR-1531-U(27)308

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

[Menteri Kewangan]

11. PR-1531-U(27)309

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhannya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

[Menteri Kewangan]

12. PR-1531-U(27)310

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

[Menteri Kewangan]

13. PR-1531-U(27)311

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

[Menteri Luar Negeri]

14. PR-1531-U(27)312

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

[Menteri Sumber Manusia]

15. PR-1531-U(27)313

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

[Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah]

16. PR-1531-U(27)314

Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyediakan satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasakan dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat.”

[Menteri Kewangan]

17. PR-1531-U(27)315

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

[Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]

18. PR-1531-U(27)316

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

[Menteri Pertahanan]

19. PR-1531-U(27)317

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1531-U(27)318

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

[Menteri Komunikasi]

21. PR-1531-U(27)319

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

[Menteri Pengangkutan]

22. PR-1531-U(27)320

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuhraya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjong Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

[Menteri Dalam Negeri]

23. PR-1531-U(27)321

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barangan pada masa ini."

[Menteri Kewangan]

24. PR-1531-U(27)322

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [Arau] akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak- pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

[Menteri Pendidikan]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 27	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik Bagi Tahun 2022	12 Mac 2024

****UCAPAN-UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
12.03.2024 (Selasa)	1. YB Tuan Wong Chen (Subang)	1. Proses Memperoleh Kewarganegaraan di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan 2. Cadangan Pindaan Perkara 26(2) Perlembagaan Persekutuan	1. YB Menteri Dalam Negeri 2. YB Menteri Dalam Negeri
	2. YB Tuan Haji Kamal bin Ashaari (Kuala Krau)	3. Padang Awam Kampung Ketumbit yang Semakin Diabaikan 4. Kelulusan Segera Peruntukan JKR Temerloh dalam <i>Notice of Defect</i>	3. YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan 4. YB Menteri Kerja Raya

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**